

Dalam edisi ini, kami ingin memaklumkan anda tentang projek kami yang sedang dijalankan, membincangkan motivasi di sebalik menjawab soalan berkenaan pendapatan dan harta, dan mengemukakan hasil dapatan utama tentang kesedaran persaraan dan kembali bekerja di Singapura!

## Umur kelayakan untuk SLP

Berdasarkan pertanyaan yang kami terima daripada ahli-ahli SLP baru-baru ini, pasukan ROSA ingin menjelaskan bahawa walaupun julat umur kelayakan asal dalam SLP ialah antara 50 hingga 70 tahun pada tahun 2015 (termasuk pasangan kepada mereka yang dalam julat umur ini), ramai daripada ahli asal sekarang sudah melebihi umur 70 tahun dan masih terus menyumbang kepada SLP. Oleh itu, kami ingin memaklumkan bahawa anda tidak perlu bimbang akan kehilangan kelayakan anda dalam SLP - asalkan anda layak menyertai SLP pada tahun 2015, anda akan tetap terus layak menjadi ahli. Kami sangat menghargai dedikasi anda dan penyertaan anda secara aktif!

## Sorotan ROSA

Dalam bulan Januari 2022, ROSA telah bekerjasama dengan Persatuan Perkhidmatan Komuniti En dan telah melancarkan program rintis, "Inisiatif Berasaskan Komuniti dan Diketuai Peserta untuk Meningkatkan Penglibatan Sivik di Kalangan Warga Emas", yang menggalakkan warga emas untuk mengemukakan inisiatif komuniti dalam kejiranan mereka.



*Pasukan ROSA mengadakan perbincangan kumpulan tumpuan bersama penduduk*

Projek ini bermula dengan beberapa siri perbincangan kumpulan tumpuan secara mendalam bersama 20 orang warga emas yang tinggal di Tampines. Kami seronok mendengar pandangan mereka berkenaan mengekalkan hidup aktif, menyertai aktiviti komuniti dan berinteraksi dengan generasi muda. Pada masa ini, kami sedang

menyediakan fasa kedua program ini: sebuah program selama 12 bulan yang akan memberi platform kepada warga emas untuk menjalankan program komuniti yang dibiayai sepenuhnya oleh ROSA.

Pasukan ROSA ingin memahami sama ada model penglibatan berasaskan komuniti ini boleh diterapkan kepada komuniti lain juga. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Perkhidmatan Komuniti En dan pasukan sukarelawan pelajar dari SMU dan Maktab Rendah Temasek kerana telah menjayakan fasa pertama program ini!

## Kesan polisi daripada soalan berkenaan harta dan pendapatan

Mengapa ROSA bertanya soalan berkenaan harta dan pendapatan secara bulanan? Kita dengar penjelasan Timbalan Pengarah ROSA, Profesor Madya Seonghoon Kim, berkenaan motivasi di sebalik kaji selidik tentang soalan ini dan kesannya kepada penggubalan dasar Singapura.



*Timbalan Pengarah ROSA,  
Profesor Madya  
Seonghoon Kim*

Menurut Dr Kim, pendapatan dan harta ialah komponen utama yang menentukan kesejahteraan di hari tua. Maklumat mengenai pendapatan dan harta isi rumah akan membolehkan ROSA membuat analisis terperinci tentang keadaan ekonomi ahli-ahli SLP kami.


Dengan menggunakan data berkualiti yang dikumpulkan sejak enam tahun lalu, penyelidik ROSA telah dapat memahami kedudukan pendapatan dan harta warga emas Singapura dan mendokumentasikan kesan daripada polisi kerajaan. Dengan menggunakan data SLP, Dr Kim sendiri menunjukkan bahawa pengeluaran sebahagian CPF pada umur 55 tahun meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan subjektif. Dalam kajian lain, beliau menggunakan data harta SLP untuk menggambarkan bahawa bantuan wang tunai kerajaan semasa pandemik COVID-19 lebih berkesan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin<sup>1</sup>.

Melalui penyelidikan sebegini, kesan polisi yang diperoleh daripada data berkualiti tinggi seperti SLP dapat memaklumkan penggubal polisi untuk mereka bentuk polisi yang boleh menambah baik kesejahteraan ekonomi warga emas Singapura.

Pasukan ROSA juga ingin meyakinkan ahli-ahli SLP kami bahawa kami menjaga keselamatan data secara serius. Sebarang maklum balas yang kami terima disimpan dengan selamat dalam pelayan kami dan hanya akan digunakan untuk tujuan penyelidikan. Sebarang data yang digunakan dalam laporan kami semuanya tanpa nama dan diagregat. Sebarang data yang boleh dikenal pasti secara peribadi dan boleh mendedahkan identiti anda tidak akan dikongsi oleh pasukan kami dalam sebarang keadaan sekali pun.

## Sorotan Penyelidikan

Pada Januari 2022, kami telah bertanya berkenaan kesedaran anda tentang umur persaraan dan kembali bekerja di Singapura. Angka di bawah menunjukkan kadar responden SLP yang sedar tentang umur persaraan di Singapura.




Gambar rajah 1: Taburan kesedaran umur persaraan

Sebahagian besar responden (74.74%) menunjukkan mereka sedar tentang umur persaraan di Singapura (62), walaupun satu per empat daripada mereka (25.26%) tidak sedar tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, tidak seperti umur persaraan yang standard untuk semua rakyat Singapura, umur bekerja kembali maksimum berbeza mengikut masa tarikh kelahiran. Jadual di bawah menunjukkan umur bekerja kembali yang berbeza mengikut kumpulan tarikh kelahiran yang berlainan (setakat 2022).

Tarikh lahir	Umur Bekerja Kembali
Sebelum 1 Julai 1952	65
1 Julai 1952 hingga 30 Jun 1955	67
Pada atau selepas 1 Julai 1955	68

Jadual 1: Umur bekerja kembali mengikut kumpulan tarikh kelahiran

Berbeza dengan kesedaran umur persaraan, lebih sedikit responden sedar tentang umur bekerja kembali untuk kumpulan tarikh lahir mereka.



Gambar rajah 2: Taburan individu yang menunjukkan kesedaran yang betul, tidak betul dan kurang maklum tentang umur kembali bekerja untuk kumpulan tarikh lahir mereka.

Seperti yang dapat dilihat dalam Gambar rajah 2, dalam setiap kumpulan, kadar individu yang dapat mengenal pasti umur bekerja kembali mereka sendiri adalah sedikit: 21.94% daripada mereka yang lahir sebelum 1 Julai 1952, 15.24% daripada yang lahir antara 1 Julai 1952 hingga 30 Jun 1955, dan 12.96% daripada yang lahir dari 1 Julai 1955 ke atas.

Kami menggalakkan responden SLP kami untuk membaca perubahan yang telah dibuat pada 2022 dalam akta bekerja kembali. Untuk mendapatkan maklumat paling tepat dan terkini, anda boleh merujuk kepada garis panduan dan nasihat yang disiarkan di laman sesawang kerajaan, seperti Kementerian Sumber Manusia (<https://www.mom.gov.sg/employment-practices/re-employment>), tentang amalan pengambilan semula pekerja. Langkah ini akan membantu anda merancang keputusan pekerjaan, persaraan dan pilihan kewangan lain.

## Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.

<sup>1</sup> Untuk membaca akhbar penuh, anda boleh pergi ke [https://ink.library.smu.edu.sg/soe\\_research/2443/](https://ink.library.smu.edu.sg/soe_research/2443/).